

# **NOTA RUJUKAN TAJWID**

**DISUSUN OLEH:**

Us. Ibrahim bin Abdullah  
Us. Mohammad Ashraf bin Mohamad Saleh@Ibrahim  
Us. Mohd Fazli bin Mohd Azali

# Pengenalan Ilmu Tajwid

## Pengertian Tajwid

Dari sudut **Bahasa** : Mengelompokkan sesuatu.

Dari sudut **Istilah** : Ilmu yang mengenal cara mengeluarkan huruf daripada makhrajnya serta menunaikan haknya dan mustahaknya.

## Faedah Mengetahui Ilmu Tajwid

Dengan mempelajari dan mengetahui ilmu tajwid, seseorang pembaca al-Quran itu akan dapat:

- a) Memelihara kalimah-kalimah al-Quran daripada sebarang penambahan, kekurangan atau perubahan pada huruf-hurufnya.
- b) Mengetahui jenis-jenis kesalahan yang perlu dijaui ketika membaca al-Quran.

## Kelebihan Ilmu Tajwid

Ilmu tajwid adalah merupakan semulia-mulia ilmu kerana ia berkaitan dengan kalam Allah s.w.t.

## Matlamat Mempelajari Ilmu Tajwid

Ilmu tajwid itu dipelajari dengan matlamat untuk memperolehi ganjaran pahala yang dijanjikan oleh Allah s.w.t. kepada pembaca al-Quran yang dapat membaca al-Quran dengan tepat dan betul.

## Kesalahan dalam Bacaan al-Quran

Kesalahan Ketika membaca al-Quran itu terbahagi kepada dua bahagian iaitu :

- a) *Al-Lahn al-Jaly* (اللحن الجلي)
- b) *Al-Lahn al-Khafi* (اللحن الخفي)

### 1) *Al-Lahn al-Jaly* (اللحن الجلي) (kesalahan nyata)

- Salah pada sebutan huruf dan baris
- Hukumnya : **Haram**

### 2) *Al-Lahn al-Khafi* (اللحن الخفي) (kesalahan tersembunyi)

- Salah pada hukum-hukum tajwid seperti *ghunnah* dan *mad*.
- Hukumnya : **Makruh**

## BARIS DAN TITIK

Baris (harakah) yang terdapat pada Huruf Hijaiyah ada tiga iaitu;

- i. Fathah : baris condong asal alif diletakkan di atas huruf
- ii. Kasrah : baris condong asal ya terbalik dibuang kepala, diletakkan di bawah huruf
- iii. Dhommah : wau kecil diletakkan di atas huruf

Huruf Hijaiyah juga menerima baris dua (tanwin) iaitu fathatan, kasratan dan dhommatan: ٴ ٴ ٴ

Huruf yang ada titik dikenali sebagai huruf Mu'jamah berjumlah 15 huruf.

Huruf yang tiada titik dikenali sebagai huruf Muhmalah berjumlah 14 huruf.

## ISTIAZAH

Dari sudut Bahasa: Berlindung

Dari sudut Istilah : Lafaz yang menghasilkan perlindungan dan naungan Allah daripada syaitan yang direjam. Juga dikenali sebagai ta'awudz.

Mengikut jumhur ulama, hukum membaca Istiazah adalah sunat. Dalil tuntutan membaca Istiazah ialah pada firman Allah Taala dalam surah al-Nahl ayat 98

فَإِذَا قَرَأْتَ الْقُرْآنَ فَاسْتَعِذْ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿٩٨﴾

Lafaz yang masyhur ialah lafaz yang diajar oleh Malaikat Jibrail a.s iaitu

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

Terdapat empat cara membaca Istiazah dan Basmalah serta awal surah iaitu;

1. Berhenti pada Istiazah dan Basmalah.
2. Berhenti pada Istiazah dan menyambung Basmalah dengan awal surah.
3. Menyambung Istiazah dengan Basmalah sahaja.
4. Menyambung ketiga-tiganya sekali.

## BASMALAH

Basmalah adalah merujuk pada lafāz

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿١﴾

Ia adalah ayat al-Quran yang diambil dari firman Allah Taala dalam surah al-Naml ayat 30 :

إِنَّهُ مِنْ سُلَيْمَانَ وَإِنَّهُ بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ ﴿٣٠﴾

Mengikut jumhur ulamak, hukum membaca basmalah ketika memulakan bacaan di permulaan surah adalah wajib kecuali awal surah al-Taubah. Selain dari awal surah, hukum membaca basmalah adalah sunat.

## CARA MEMBACA BASMALAH ANTARA DUA SURAH

### 1. Waqaf semua

Membaca dengan mewaqafkan bacaan pada hujung ayat terakhir surah yang pertama, akhir basmalah dan akhir ayat awal surah yang kedua . Contoh membaca surat An-Nashr dan Al-Ikhlash:

(وقف) ...إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا (وقف) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (وقف) قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

### 2. Wasal (sambung) semua

Membaca dengan menyambungkan akhir surah yang pertama dengan basmalah dan diikuti ayat awal surah yang kedua tanpa waqaf. Contoh:

(وقف) ...إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا (وصل) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (وصل) قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

### 3. Wasal (sambung) basmalah dengan awal surah yang kedua

Cara yang ketiga adalah waqaf pada akhir surah. Kemudian mewasalkan basmalah dengan awal ayat pertama surah yang kedua. Contoh:

(وقف) ...إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا (وقف) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (وصل) قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

#### 4. Wasal akhir surah yang pertama dengan basmalah.

Cara yang terakhir adalah mewashalkan surat yang pertama dengan basmalah kemudian waqaf di akhir basmalah selanjutnya membaca surat yang kedua. Contoh:

(وقف) ...إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا (وصل) بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ (وقف) قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ

- Cara ini adalah dilarang kerana memberi sangkaan bismillah itu berada di akhir surah.

#### NUN DAN MIM BERTASYDID (BERSABDU)

Nun musyaddah dan mim musyaddah adalah huruf ( نّ ) dan ( مّ ) yang diletakkan tanda tasydid (sabdu) di atas keduanya.

Asal huruf musyaddah (bersabdu) ini adalah dari dua huruf yang sama. Huruf pertama sukun (mati) manakala huruf kedua berbaris. Disebabkan kedua-duanya adalah sama, maka diidghamkan dan diletakkan tanda tasydid (sabdu) diatasnya dengan satu huruf.

Hukum nun musyaddah dan mim musyaddah ini adalah wajib gunnah (dengung) dengan kadar dua harakat. Hukumnya disebut sebagai wajibul gunnah.

Contoh kalimah berkaitan hukum ini ialah:

إِنَّ / عَمَّ

#### MAKHARIJ ALHURUF (TEMPAT-TEMPAT KELUAR HURUF)

Makna makhraj huruf:

Dari sudut bahasa: tempat keluar huruf

Dari sudut istilah: Tempat tertahan atau terhentinya udara ketika sesuatu huruf itu dilafazkan untuk membezakan antara satu huruf dengan huruf yang lain.

Mengikut mazhab jumhur, iaitu antaranya ialah Imam al-Khalil bin Ahmad dan Ibnu al-Jazari, mereka menyatakan makhraj huruf terbahagi kepada lima bahagian umum.

## MAKHRAJ UMUM (5)

1. Al-Halq (Halqum/Kerongkong)
2. Al-Lisan (Lidah)
3. As-Syafatain (Dua Bibir)
4. Al-Jauf (Rongga Mulut)
5. Al-Khaisyum (Rongga Hidung)

Makhraj umum ini pula dipecahkan kepada tujuh belas makhraj khusus yang masyhur seperti yang berikut.

### 1. Al-Jauf (الْجَوْفُ)

Ia bermaksud rongga mulut. Bagi makhraj ini hanya terdapat satu makhraj khusus sahaja. Ia merupakan makhraj bagi huruf-huruf Mad yang dikeluarkan melalui rongga mulut. Terdapat 3 huruf mad yang keluar dari rongga mulut, iaitu: ( ا و ي )

### 2. Al-Halq (الْحَلْقُ)

Ia bermaksud kerongkong tekak atau halkum. Bagi makhraj ini terdapat tiga makhraj khusus. Ia merupakan makhraj bagi 6 huruf yang keluar dari kerongkong tekak, iaitu;

ء ؤ ع ح غ خ

Tiga makhraj khusus bagi enam huruf halqi ini ialah;

1. Pangkal kerongkong: ( ء ؤ )
2. Tengah kerongkong ( ع ح )
3. Hujung Kerongkong ( غ خ )

### 3. Al-Lisan (اللسانُ)

Ia bermaksud lidah. Bagi makhraj ini terdapat 10 makhraj khusus. Ia merupakan makhraj bagi 18 huruf yang keluar dari lisan atau lidah, iaitu;

( ق ك ي ش ج ض ل ن ر ت د ط ث ذ ظ ص ز س )

Sepuluh makhraj khusus bagi lapan belas huruf lisan ini ialah;

1. Pangkal lidah, berhampiran dengan kerongkong menyentuh bahagian *anak tekak*: (ق)
2. Pangkal lidah menyentuh langit belakang: (ك)
3. Tengah lidah ditekan ke langit atas: (ش ج ي)
4. Tepi atau sisi lidah (kiri atau kanan) dirapatkan pada gigi geraham atas (bahagian dalam): (ض)
5. Hujung lidah ditekan ke gusi di atas gigi depan (bahagian dalam): (ل)
6. Hujung lidah ditekan ke langit depan, sedikit ke belakang dari makhraj huruf Lam: (ن)
7. Hujung lidah diangkat ke langit atas, serta dilengkungkan sehingga terlihat lidah bahagian belakang: (ر)
8. Hujung lidah ditekan ke pangkal gigi depan bahagian atas: (ت ط د)
9. Hujung lidah dikeluarkan sedikit dan ditekan di hujung gigi depan bahagian atas: ((ذ ظ))
10. Hujung lidah diletakkan ke belakang gigi depan bahagian bawah: (ص ز س)

#### 4. As-Syafatain (الشَّفَتَيْنِ)

Ia bermaksud dua bibir. Bagi makhraj ini terdapat 2 makhraj khusus. Ia merupakan makhraj bagi 4 huruf yang keluar dari dua bibir, iaitu; (ف ب م و)

Dua makhraj khusus bagi empat huruf lisan ini ialah;

1. Bibir Bawah ditekan ke Gigi Kapak bahagian atas: (ف)
2. Bibir Bawah dan Atas posisi rapat: (ب م و)

#### 5. Al-Khaisyum (الْخَيْشُومِ)

Ia bermaksud Rongga Hidung. Bagi makhraj ini hanya terdapat satu makhraj khusus sahaja. Ia merupakan makhraj bagi **ghunnah (dengung)** sahaja. Dengung mestilah dikeluarkan melalui **rongga hidung**. Dengung hanya berlaku pada huruf mim dan nun yang berbaris mati dan syaddah (sabdu) sahaja.

## SIFAT-SIFAT HURUF

Dari sudut Bahasa: sifat huruf bermaksud rupa khas sesuatu benda.

Dari sudut Istilah: cara mengeluarkan sesuatu huruf sama ada nyaring, kuat, lembut dan sebagainya.

Sifat Huruf Terbahagi Kepada Dua:

### 1. Sifat Lazimah (لازمه) :

Ia ciri kekal yang pasti ada bagi setiap sebutan huruf dalam semua keadaan, tidak terpisah dari suatu huruf itu sama ada pada keadaan berbaris mahupun mati. Sifat-sifat ini juga terbahagi kepada sifat yang berlawanan, sifat yang tidak berlawanan dan sifat tunggal.

### 2. Sifat 'Aridhah; (عارضه) :

Ia ciri mendatang yang berubah-ubah bagi suatu huruf, yang mana adakalanya terpisah dari huruf dan disertai pula pada keadaan yang lain seperti tarqiq (nipis), tafkhim (tebal), ghunnah, idgham, ikhfa', panjang atau pendek dan sebagainya.

## 10 sifat Lazimah (لازمه) Berlawanan

1. Hams lawannya jahr
2. Syiddah lawannya rakhawah (pertengahan bagi kedua-dua sifat ini dinamakan tawasut)
3. Isti'la' lawannya istifal
4. Itbaq lawannya infitah
5. Izlaq lawannya ismat

Al-Hams (الهمس) VS Al-Jahr (الجهْر)

### 1. Hams –(همس)

Dari sudut Bahasa: **sembunyi atau senyap.**

Dari sudut Istilah: suara lemah menyebut huruf-huruf ini kerana lemahnya suara berpegang pada makhraj dan ini **menyebabkan terlepas nafas**. Maka itulah dinamakan huruf mahmusah. Terdapat 10 huruf dihimpunkan dalam lafaz :

## فَحْتُهُ شَخْصٌ سَكَنَتْ

- \*Terlepas nafas/udara ketika menyebut huruf kerana terbukanya tekak dan tekanan yang lemah pada makhrajnya.

### 2. Jahar – ( جَهْر )

Dari sudut Bahasa: jelas dan terang.

Dari sudut Istilah: suara kuat menyebut huruf kerana kekuatan berpegang kepada makhraj sehingga menahan dari terlepasnya nafas. Ia dinamakan huruf majhur dan bilangannya ialah selain dari sepuluh huruf-huruf hams. Perbezaanya huruf hams disebut dengan melepaskan nafas, manakala huruf jahar disebut dengan menahan nafas. Terdapat 19 huruf dihimpunkan dalam lafaz: عَظُمَ وَزُنْ قَارِي ذِي غَضٍّ جِدِّ طَلَبَ :

- \*Tertahan nafas/udara ketika menyebut huruf kerana tertutupnya tekak dan tekanan yang kuat pada makhrajnya.

Al-Syiddah (الشِدَّةُ) VS Tawassut (تَوَسُّطُ) VS  
Al-Rakhawah (الرَّخَاوَةُ)

### 3. Syiddah ( شِدَّة )

Dari sudut Bahasa : kekuatan.

Dari sudut Istilah : kelaziman huruf pada tempatnya kerana kekutan berpegangnya kepada makhraj sehingga **menahannya dari terlepas suara**. Terdapat 8 huruf dan disusun dalam rangkaikata : أَجْدُ قَطِّ بَكْتُ

- \*Tertahan suara ketika menyebut huruf kerana tertutup makhrajnya.

### Tawassut – (تَوَسُّطُ)

Dari sudut Bahasa : pertengahan; dari segi istilah bermaksud pertengahan suara.

Dari sudut Istilah: huruf-huruf yang mempunyai perantaraan antara sifat Syiddah dan sifat Rakhawah. Ia bermaksud suara tertahan ketika menyebut hurufnya dan sebahagian suara terlepas kerana itulah ia dinamakan Mutawassat. Huruf-huruf Tawassut tersusun di dalam rangkaikata: لَيْنُ عُمَرُ

- \*Menyebut hurufnya dengan sederhana – tidak terlalu tertahan dan tidak terlalu terlepas – kerana makhrajnya tidak tertutup atau terbuka sepenuhnya.

#### 4. Rakhawah – (الرخاوة)

Dari sudut Bahasa : lembut.

Dari sudut Istilah: Lemahnya pegangan huruf pada tempatnya atau makhrajnya sehingga suara keluar bersama sebutan huruf-hurufnya.

Justeru huruf-huruf yang keluar suara bersama dengan sebutannya dinamakan huruf-huruf al-Rakhawah.

Rakhawah adalah berlawanan dengan maksud Syiddah dan juga Tawassut. Ia adalah suatu-satunya sifat yang mempunyai dua lawan. Berlainan dengan sifit-sifat lain yang hanya mempunyai satu lawan sahaja.

Huruf-huruf Rakhawah selain dari huruf-huruf Syiddah dan Tawassut. Dalam rangkaikata:

خُذْ عَثَّ حَظَّ قَضَّ شُوصَ زَيَّ سَاهِ

Huruf-hurufnya: ث ح خ ذ ز س ش ص ض ظ غ ف و ه ي

- \*Terlepas suara kerana terbuka makhrajnya.

#### Isti'la' (الإستعلاء) VS Istifal (استفال)

#### 5. Isti'la' – (الإستعلاء)

Dari sudut Bahasa : terangkat.

Dari sudut Istilah: : pangkal lidah terangkat ke langit atas ketika menyebut huruf-hurufnya. Di waktu yang sama suara juga akan terangkat atau memenuhi ruangan mulut ketika menyebut hurufnya.

Huruf-huruf isti'la' ada tujuh, dan dihindungkan dalam lafaz :

خُصَّ ضَغُطٌ قَطُّ

Huruf-hurufnya:

ص ض ط ظ ق غ خ

- \*Lidah terangkat ke langit ketika menyebut huruf dengan meninggikan pangkal lidah serta menjatuhkan rahang ke bawah.

## 6. Istifal – (استفال)

Dari sudut Bahasa: merendah.

Dari sudut Istilah:: merendahkan lidah dari langit atas ketika menyebut huruf-hurufnya. Dengan sebab itu, suara yang menyebut hurufnya juga akan merendah.

Selain itu perkara yang berlaku juga ialah huruf-huruf al-Istifal disebut dengan tarqiq (tipis).

Bilangan huruf-huruf Istifal ialah sebanyak 22 huruf iaitu selain daripada huruf-huruf isti'la'. Dalam rangkaikata:

ثَبَّتْ عِزُّ مَنْ يُجَوِّدُ حَرْفَهُ أَنْ سَلَّ شَكَا

- \*Lidah tidak terangkat ke langit ketika menyebut huruf dengan merendahkan pangkal lidah serta rahang berada di kedudukan biasa.

**Itbaq (اطباق) VS Infitah (انفتاح)**

## 7. Itbaq – (اطباق)

Dari sudut Bahasa : melekat.

Dari sudut Istilah:: terangkat sebahagian besar lidah ke langit atas atau hampir dengan langit ketika menyebut huruf-hurufnya.

Sifat al-Itbaq ini mengandungi Isti'la' dan lebih dari itu. Ketika menyebut huruf-hurufnya sebahagian lidah melekat ke bahagian langit atas. Dan sebagai kesimpulannya boleh dikatakan bahawa setiap huruf al- Itbaq adalah Isti'la' , tetapi bukan setiap huruf Isti'la' adalah Itbaq.

Huruf-hurufnya: ص ض ط ظ.

ط (paling kuat), ص ض (sederhana), ظ (paling lemah)

- \* ص himpit tepi lidah ke langit lembut ketika menyebut huruf yang menyebabkan suara terhimpit antara kedua-duanya.

## 8. Infitah – (انفتاح)

Dari sudut Bahasa : renggang atau terbuka.

Dari sudut Istilah:: terdapat renggangan antara lidah dengan langit atas ketika menyebut huruf-hurufnya. Dengan itu suara tidak dapat ditahan antara lidah dengan langit atas kerana keterbukaan rongga.

Justeru, huruf-hurufnya dinamakan munfatah. Bilangan huruf-hurufnya ialah 25 huruf atau selain daripada 4 huruf-huruf Itbaq.

Dalam rangkaikata:

مَنْ أَخَذَ وَجَدَ سَعَةً فَرَكَ حَقُّ لَهُ شَرْبٌ عَيْثُ

- \*Merenggang tepi lidah dari langit lembut ketika menyebut huruf dan melepaskan suara dengan lapang dan terbuka.

**Izlaq (اذلاق) VS Ismat (اصمات)**

## 9. Izlaq – (اذلاق)

Dari sudut Bahasa : tergelincir atau lancar.

Dari sudut Istilah:: menyebut hurufnya dengan mudah dan lancar. Disebabkan sebahagiannya keluar daripada hujung lidah dan sebahagian lagi keluar daripada dua bibir mulut, maka ia dapat disebut dengan cepat dan lancar.

Rangkai kata huruf-huruf Zalaqah ialah:

فِرَّ مِنْ لُبِّ

Huruf-hurufnya:

ف ر م ن ل ب

- \*Lancar sebutan kerana makhraj hurufnya keluar daripada pinggir lidah atau bibir.

## 10. Ismat – (اصمات)

Dari sudut Bahasa : tertegah atau larang.

Dari sudut Istilah:: tertegah hurufnya daripada segera keluar ketika melafazkannya.

Ditegah hurufnya daripada tersusun dalam kalimah arab yang mempunyai empat atau lima huruf kerana berat lidah menyebutnya. Justeru kalimah tersebut mestilah ada huruf al-Izlaq bagi mengimbangi antara berat dan ringan.

Bilangan huruf-hurufnya ialah 23 huruf dan dinamakan huruf-huruf Musmatah. Dalam rangkaikata:

جَزْ غَشَّ سَاخِطٍ صَدَّ ثَقَّةٍ إِذْ وَعَظَهُ يَحْضُكُكَ

- \*Tersekat sebutan kerana makhraj hurufnya jauh dari pinggir lidah atau bibir.

## 7 Sifat Lazimah (لازمه) Tunggal

### 1.Safir – ( صفير ) Siulan / Berdesir.

Safir ialah suara yang menyerupai suara unggas atau haiwan kerana menyebut hurufnya dengan bunyi berdesir dan kuat dari antara dua bibir mulut.

Hurufnya ada tiga: ص, ز, س

Bunyi desiran yang berlaku pada huruf sād paling kuat dibanding zāy dan berikutnya. Perbezaan sifat safir dengan hams adalah desiran nafas yang lebih kuat berbanding dengan hams yang sekadar membunyikan hurufnya dengan hembusan nafas yang lebih ringan.

Semasa menyebut ص kedengarannya seperti suara angsa.

Semasa menyebut ز kedengarannya seperti suara lebah.

Semasa menyebut س kedengarannya seperti suara belalang.

## 2. Qalqalah – ( قَلْقَلَه ) Pantulan

Qalqalah ialah bunyi lantunan suara kerana gegaran yang kuat semasa menyebut hurufnya dan dilepaskan dalam masa yang singkat.

Terdapat lima huruf qalqalah, iaitu ق ط ب ج د dan dihindungkan dalam lafaz :

قُطِبَ جَدَّ

Terdapat 3 pembahagian qalqalah:

- i. Qalqalah **Sughra** : Hurufnya berada **di tengah** kalimah
- ii. Qalqalah **Kubra** : Waqaf pada hurufnya yang berada **di hujung kalimah**
- iii. Qalqalah **Akbar** : Waqaf pada hurufnya yang **bertasydid** yang berada di **hujung kalimah**

■ \*Ada buku yang menyebut pembahagian qalqalah seperti ini;

- i. Qalqalah **Sughra** (lantunan lemah) : Hurufnya berada di **tengah kalimah**
- ii. Qalqalah **Wusta** (sederhana kuat) : Waqaf pada hurufnya yang berada di **hujung kalimah**
- iii. Qalqalah **Kubra** (lantunan kuat) : Waqaf pada hurufnya yang **bertasydid** yang berada di **hujung kalimah**

■ \*Walau berbeza nama, pembahagian qalqalah dan keadaannya tetap sama.

## 3. Lin - ( لين ) Lembut

Lin bermaksud lembut; disebut dengan lembut dan mudah.

Hurufnya                      ada                      2                      :                      و                      ي  
Pembunyian dengan sifat lin hanya berlaku apabila **huruf itu mati**, dan di **sebelumnya ada huruf berbaris atas**.

Contohnya و dalam kalimah khawf (خَوْف) dan ي dalam kalimah bayt (بَيْت)

#### **4. Inhiraf – (إنحراف) Lencungan**

Inhiraf bermaksud condong atau lentur. Huruf yang pengucapannya lentur setelah keluar dari hujung lidah.

Hurufnya ada 2 : ر ل

( ر ) lentur bagian belakang lidah dan Lam ( ل ) lentur bagian permukaan lidah.

#### **5. Takrir – (تكرير) Getaran**

Istilah : Keadaan hujung lidah bergerak-gerak atau bergetar ketika menyebut hurufnya.

Hurufnya satu saja : ر

Dinamakan takrir kerana bunyi unik ra' yang bergetar secara berulang. Walau bagaimanapun, getaran yang dibenarkan adalah sekali sahaja, lebih-lebih lagi pada keadaan sabdu.

#### **6. Tafasyi – (تفشي) Hamburan**

Istilah : tersebar atau berhamburan angina (udara) antara gigi depan dan langit keras ketika menyebutnya.

Hurufnya satu sahaja, iaitu syin ش

Dinamakan tafasyi kerana bunyi unik ش yang tersebar dan berhamburan di kawasan hujung lidah.

#### **7. Istitalah – (إستطالة) Memanjang**

Istitalah bermaksud memanjang. Hurufnya satu sahaja, iaitu ض

Dinamakan istitalah kerana makhras ض yang memanjang di sebelah kiri atau kanan lidah.

## HUKUM NUN MATI DAN TANWIN

### Pengertian Nun Mati

Nun Mati ialah nun yang terkeluar daripadanya nun berbaris (baris atas, baris bawah dan baris depan) sama ada *bertashdid* (bersabdu) ataupun tidak.

### Pengertian *Tanwin*

*Tanwin* ialah Nun mati tambahan yang hanya terletak di penghujung kata nama.

### Perbezaan Nun Mati dan *Tanwin*

Nun mati ialah nun asli yang terdapat pada kata nama (*isim*), kata perbuatan (*Fi'il*) dan pada huruf, sama ada di awal atau di tengah atau di akhir kalimat. Tetap pada tulisan dan lafaz, ketika *wasal* dan *waqaf*.

*Tanwin* pula ialah nun mati tambahan yang terdapat hanya pada kata nama (*isim*) di akhir kalimat. Tetap pada lafaz ketika *wasal* sahaja.

Walaupun berbeza tetapi hukum kedua-duanya tetap sama.

### Hukum Nun Mati dan *Tanwin*

Terdapat empat (4) hukum nun mati dan tanwin iaitu :

- a) *Izhar* (الإظهار)
- b) *Idgham* (الإدغام)
- c) *Iqlab* (الإقلاب)
- d) *Ikhfa'* (الإخفاء)

### Hukum *Izhar* (الإظهار)

Pengertian *Izhar* ialah :

- Dari sudut bahasa: Terang atau nyata.
- Dari sudut istilah: Mengeluarkan setiap huruf daripada makhrajnya tanpa *ghunnah*.

Huruf *Izhar* ada enam (6) iaitu : ع, هـ, ع, ح, غ dan خ

Sekiranya Nun mati atau tanwin bertemu dengan salah satu daripada huruf-huruf tersebut, maka hendaklah Nun mati atau *tanwin* itu dibaca dengan nyata tanpa *ghunnah*. Oleh kerana semua huruf-huruf tersebut tempat keluarnya daripada halkum, maka hukum *Izhar* ini dinamakan dengan nama *Izhar Halqi*.

Contoh-contoh bacaan *Izhar Halqi* :

| Bil | Huruf | Dalam satu kalimah | Dalam dua kalimah |                       |
|-----|-------|--------------------|-------------------|-----------------------|
| 1   | ء     | وَيَتُونَ          | مَنْ ءَامَنَ      | وَجَنَّتِ ٱلْأَفَافَا |
| 2   | هـ    | مِنْهَا            | مَنْ هَاجَرَ      | جُرْفِ هَارٍ          |
| 3   | ع     | أَنَعَمْتَ         | مِنْ عِلْمٍ       | حَقِيقٌ عَلَى         |
| 4   | ح     | يَحِثُّونَ         | مِنْ حَقٍّ        | عَلِيمٌ حَكِيمٌ       |
| 5   | غ     | فَسَيُغْضَوْنَ     | مِنْ غِلٍّ        | عَفْوًا عَفُورًا      |
| 6   | خ     | وَالْمُنْخِيفَةُ   | فَمَنْ خَافَ      | يَوْمَئِذٍ خُشْعَةً   |

### Hukum *Idgham* (الإدغام)

Pengertian *Idgham* ialah :

- Dari sudut bahasa : Memasukkan.
- Dari sudut istilah: Memasukkan huruf pertama ke dalam huruf kedua, seakan-akan menjadi satu huruf yang bersabdu.

**Huruf *Idgham*** ada enam (6) iaitu : ر dan ن, م, و, ي

*Idgham* ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu:

#### a) *Idgham bi Ghunnah* (إدغام بغنة)

Memasukkan huruf pertama ke dalam huruf yang kedua beserta *ghunnah* (dua harakat).

Hurufnya ada empat (4) iaitu : ن dan م, و, ي

Contoh-contoh bacaan *Idgham bi Ghunnah*:

| Bil | Huruf | Nun Mati        | <i>Tanwin</i>        |
|-----|-------|-----------------|----------------------|
| 1   | ي     | فَمَنْ يَعْمَلْ | لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ |
| 2   | و     | مِنْ وَرَقٍ     | مَغْفِرَةً وَأَجْرٍ  |

|   |   |               |                       |
|---|---|---------------|-----------------------|
| 3 | م | مِمَّنْ مَّعَ | مَثَلًا مَّا          |
| 4 | ن | مِنْ نُورٍ    | يَوْمَئِذٍ نَّاعِمَةً |

Perlu diketahui bahawa hukum *Idgham bi Ghunnah* hanya berlaku apabila Nun mati bertemu dengan huruf-huruf *Idgham bi Ghunnah* dalam dua kalimah. Sekiranya pertemuan tersebut berlaku dalam satu kalimah, maka ia hendaklah dibaca dengan *Izhar* dan hukumnya adalah ***Izhar Mutlak***. Keadaan ini hanya berlaku pada empat kalimah sahaja dalam al-Quran iaitu:

{ صِنُونُ } { قِنُونُ } { الدُّنْيَا } { بُنِينَ }

b) *Idgham bi la Ghunnah* (إدغام بلا بغنة)

Memasukkan huruf yang pertama ke dalam huruf yang kedua tanpa disertai *ghunnah*.

Hurufnya ada **dua (2)** iaitu : ر dan ل

Contoh-contoh bacaan *Idgham bi la Ghunnah*:

| Bil | Huruf | Nun Mati      | Tanwin              |
|-----|-------|---------------|---------------------|
| 1   | ل     | مِنْ لَدُنْهُ | خَيْرَ لَكُمْ       |
| 2   | ر     | مِنْ رَسُولٍ  | لِرَّءُوفٍ رَّحِيمٍ |

### Hukum *Iqlab* (الإقلاب)

Pengertian *Iqlab* ialah :

- Dari sudut bahasa: Menukarkan.
- Dari sudut istilah: Menukarkan bunyi Nun mati atau *tanwin* kepada bunyi Mim.

Huruf *Iqlab* ada satu sahaja iaitu : ب.

Sekiranya Nun mati atau tanwin bertemu dengan huruf Ba', maka hendaklah Nun mati atau tanwin itu ditukarkan bunyinya kepada huruf Mim (bunyi Mim itu hendaklah disembunyikan dengan merenggangkan sedikit bibir), beserta dengan *ghunnah*. Tujuan merenggangkan sedikit bibir adalah supaya ia tidak menyerupai bunyi *Idgham*.

Contoh-contoh bacaan *Iqlab* :

| Bil | Huruf | Dalam satu kalimah | Dalam dua kalimah |                 |
|-----|-------|--------------------|-------------------|-----------------|
| 1   | ب     | أَنْبِئْهُمْ       | أَنْ بُورِكَ      | سَمِيعٌ بَصِيرٌ |

## Hukum *Ikhfa'* (الإخفاء)

Pengertian *Ikhfa'* ialah :

- Dari sudut bahasa : Menyembunyikan.
- Dari sudut istilah : Menyembunyikan Nun mati atau *tanwin*, yaitu dengan menyembunyikan antara bunyi *Izhar* dengan *Idgham*.

Huruf *Ikhfa'* ada lima belas (15) huruf yaitu : ص, ذ, ث, ك, ج, ش, ق, س, د, ظ dan ض, ت, ف, ز, ط.

Sekiranya Nun mati atau *tanwin* bertemu dengan salah satu daripada huruf-huruf tersebut, maka hendaklah Nun mati atau *tanwin* itu disembunyikan di sisi huruf *Ikhfa'* tersebut, yaitu dengan membunyikan antara bunyi *Izhar* dengan bunyi *Idgham*. *Ikhfa'* disini dinamakan juga dengan *Ikhfa' Haqiqi* untuk membezakan dengan *Ikhfa' Syafawi*.

Contoh-contoh bacaan *Ikhfa' Haqiqi*:

| Bil | Huruf | Dalam satu kalimah | Dalam dua kalimah   |                           |
|-----|-------|--------------------|---------------------|---------------------------|
| 1   | ص     | يَتَصُرُونَ        | أَنْ صَدُّوَكُمْ    | بَرِيحٍ صَرَّصِرٍ         |
| 2   | ذ     | مُنْذِرِينَ        | مِنْ ذَلِكَ         | بِعَزِيزٍ ذِي أَنْتِقَامٍ |
| 3   | ث     | مَنْثُورًا         | مِنْ ثَمَرَةٍ       | لَيْلَةً ثُمَّ            |
| 4   | ك     | يَتَكْتُمُونَ      | مَنْ كَانَ          | فَفَرِيقًا كَذَّبْتُمْ    |
| 5   | ج     | أَنْجَبَكُمْ       | مَنْ جَاءَ          | وَلِكُلٍّ جَعَلْنَا       |
| 6   | ش     | يُنْشِئُ           | مِنْ شَيْءٍ         | شَيْءٍ شَهِيدًا           |
| 7   | ق     | مُنْقَلِبُونَ      | وَلَيْنَ قُلَّتْ    | شَيْءٍ قَدِيرٍ            |
| 8   | س     | مِنْسَأَتُهُ       | أَنْ سَلَّمَ        | قَوْلًا سَدِيدًا          |
| 9   | د     | أَنْدَادًا         | مِنْ دَابَّةٍ       | قِنَوَانٍ دَانِيَةً       |
| 10  | ط     | يَتَطَقُونَ        | وَإِنْ طَائِفَتَانِ | قَوْمًا طَغِينَ           |

|    |   |                |                   |                    |
|----|---|----------------|-------------------|--------------------|
| 11 | ز | أَنْزَلْنَاهَا | فَإِنْ زَلَلْتُمْ | يَوْمَئِذٍ زُرْقًا |
| 12 | ف | أَنْفُسَهُمْ   | وَإِنْ فَاتَكُمْ  | صُلْحًا فَلَهُمْ   |
| 13 | ت | كُنْتُ         | مِنْ تَحْتِهَا    | جَنَّتْ تَجْرِي    |
| 14 | ض | مَنْضُودٍ      | وَمَنْ ضَلَّ      | قَوْمًا ضَالِّينَ  |
| 15 | ظ | يُنْظَرُونَ    | إِنْ ظَنَّا       | قَوْمَ ظَلَمُوا    |

### HUKUM MIM MATI (مْ)

Mim mati ialah mim yang tidak menerima baris sama ada ketika wasal atau waqaf. Ia berada di pertengahan atau di hujung kalimah. Ia juga dikenali sebagai Mim Sakinah. Hukum mim mati terbahagi kepada 3:

1. Ikhfa' Shafawi (إخفاء شفوي)
2. Idgham Mislain (إدغام مثلين)
3. Izhar Syafawi (إظهار شفوي)

#### 1. IKHFA' SHAFAWI (إخفاء شفوي)

Ikhfa' Shafawi berlaku apabila mim sukun/mati berjumpa dengan huruf ba' (ب) yang berbaris dalam dua kalimah. Mim mati adalah huruf akhir kalimah pertama dan ba' (ب) adalah huruf pertama pada kalimah kedua.

Cara bacaannya wajib menyembunyikan mim sukun di antara bunyi huruf ba' (ب). Ketika membaca perlulah didengungkan sepanjang 2 harakat dalam keadaan bibir tertutup.

Dinamakan Ikhfa' Shafawi kerana makhraj huruf mim dan ba' (ب) yang keluar dari dua bibir. Kedua-dua huruf ini juga mempunyai sedikit persamaan pada makhraj seperti infitah dan istifal. Dalam penulisan al-Quran tidak ada tanda mati di atas mim mati dan dan ba diletakkan sabdu.

Contoh kalimat berkaitan hukum ini ialah:

عَلَيْكُمْ يَوْكِلِ

## 2. IDGHAM MISLAIN (إدغام مثلين)

Idgham Mislain berlaku apabila mim sukun bertemu dengan huruf mim (م) yang berbaris dalam dua kalimat. Cara bacanya adalah wajib mengidghamkan huruf mim yang pertama ke dalam mim yang kedua dengan sempurna selama 2 harakat.

Ia dinamakan Idgham Mislain kerana bertemu dua jenis huruf yang sama makhraj dan sifatnya iaitu mim dan mim. Dalam penulisan al-Quran tidak ada tanda mati di atas mim mati dan mim kedua diletakkan sabdu.

Contoh kalimat berkaitan hukum ini ialah:

وَبَيْنَهُمْ مِّيثَاقٌ

## 3. IZHAR SYAFAWI (إظهار شفوي)

Izhar Syafawi berlaku apabila huruf mim mati bertemu dengan huruf selain mim dan ba, iaitu huruf hijaiyah yang berjumlah 26 huruf sama ada dalam satu atau dua kalimat.

Cara bacanya hendaklah mim mati dibaca dengan jelas tanpa dengung. Sebab izhar kerana jauhnya makhraj mim dengan kebanyakan huruf-huruf lain. Dalam penulisan al-Quran, diletakkan tanda mati di atas mim tersebut.

Contoh kalimat berkaitan hukum ini ialah:

فَلَهُمْ أَجْرٌ

## AL-MUTAMASILAIN, AL-MUTAJANISAIN, AL-MUTAQARIBAIN

**Idgham** : menyebut dua huruf yang bertemu menjadi satu huruf yang bersabdu. Ia terjadi apabila bertemu dua huruf yang mempunyai kaitan dengan makhraj atau sifat antara satu sama lain.

Apabila bertemu dua huruf, huruf pertama mati dan huruf kedua berbaris, maka diidghamkan huruf yang pertama kepada huruf kedua. Ia berlaku dengan salah satu daripada tiga sebab berikut;

1. Bersamaan pada makhraj dan sifat
2. Bersamaan pada makhraj tapi berlainan pada sifat
3. Berhampiran pada makhraj dan sifat

Hukum idgham ini terbahagi kepada 3:

1. Idgham Mutamasilain
2. Idgham Mutajanisain
3. Idgham Mutaqaribain

### **Idgham Mutamatsilain( إدغام متماثلين )**

Terjadi apabila bertemunya dua huruf yang sama sifat dan makhraj. Ia bertemu dalam satu kalimah atau dua kalimah di mana huruf pertama mati dan huruf kedua berbaris. Hukumnya dibaca dengan idgham (memasukkan) iaitu huruf pertama diidghamkan kepada huruf kedua.

Contohnya seperti huruf dal bertemu dal, huruf ba' bertemu ba' dan sebagainya. Contoh kalimah berkaitan hukum ini ialah:

فَدْخُلُوا = فَدَخَلُوا - اضْرِبْ بِعَصَاكَ = اضْرِبْ عَصَاكَ

Manakala bagi huruf mad, tidak harus diidghamkan ke dalam huruf yang berikutnya sekalipun huruf yang selepasnya adalah huruf sejenisnya.

### **Idgham Mutajanisain ( إدغام متجانسين )**

Terjadi apabila bertemunya dua huruf yang sama makhrajnya tetapi tidak sama sifatnya. Ia bertemu dalam satu kalimah atau dua kalimah di mana huruf pertama mati dan huruf kedua berbaris. Hukumnya dibaca dengan idgham (memasukkan), iaitu huruf pertama diidghamkan kepada huruf kedua. Idgham Mutajanisain ini terbahagi kepada dua bahagian iaitu;

1. Wajib dimasukkan secara sempurna (Idgham Kamil)

Iaitu apabila bertemu huruf yang bersifat lemah dengan huruf yang bersifat kuat.

Huruf yang berkaitan adalah seperti berikut;

Dal bertemu Ta

Ta bertemu Dal

Ta bertemu To'

Zal bertemu Dzo'

Tha' bertemu Zal

Ba' bertemu Mim

2. Wajib dimasukkan sebahagian (Idgham Naqis). Iaitu apabila bertemu huruf yang bersifat kuat dengan huruf yang bersifat lemah. Huruf yang berkaitan adalah satu sahaja iaitu Ta' bertemu To'.

**Idgham Mutaqaribain (إدغام متقاربين)**

Terjadi apabila bertemunya dua huruf yang berhampiran sifat dan makhrajnya Ia bertemu dalam satu kalimah atau dua kalimah di mana huruf pertama mati dan huruf kedua berbaris. Hukumnya dibaca dengan idgham (memasukkan) iaitu huruf pertama diidghamkan kepada huruf kedua. Dalam riwayat Hafs, idgham ini hanya terjadi pada huruf lam bertemu dengan huruf ra sahaja.

Contoh kalimah berkaitan hukum ini ialah:

قُلْ رَبِّ = قُرْبٍ

**HUKUM MAD**

Mad dari sudut Bahasa: menambah / memanjangkan.

Dari sudut Istilah : Mengikut ilmu tajwid, mad memberi erti memanjangkan sebutan sesuatu huruf mengikut kadar harakat madnya, apabila ia bertemu dengan salah satu dari tiga huruf mad (ا و ي) pada kadar 2 hingga 6 harakat.

Dua pembahagian :

1. Mad asli : ada huruf mad pada kalimah.
2. Mad far'ie : ada huruf mad Bersama sukun atau hamzah

## MAD ASLI

Mad asli مَدُّ أَصْلِيٍّ adalah Mad yang terhasil apabila huruf yang berbaris atas bertemu alif ( ا ), huruf berbaris bawah bertemu dengan Ya ( ي ) dan huruf berbaris depan bertemu Waw ( و )

Ia dibaca dengan kadar panjang dua harakat, sama ada ketika menyambung atau berhenti bacaan padanya.

Mad Asli juga dikenali dengan nama Mad Tabi'i.

## Mad Far-ie

Mad Far'ie : mad tambahan sebab ada huruf tambahan iaitu;

1.Hamzah ( ء )

2.Tanda sukun ( ° )

## Mad Farie – Hamzah

### 1- Mad Wajib Muttasil (مد واجب متصل)

Ia terjadi apabila **huruf mad dan hamzah** bertemu dalam **satu kalimah** dengan keadaan yang **bersambung**. Kadar bacaannya adalah 4 atau 5 harakat ketika wasal dan 6 harakat ketika waqaf.

Contoh;

■ إِذَا جَاءَ

■ سُوءَ الْعَذَابِ

■ سَيِّئَ عَذَابِهِمْ

### 2. Mad Jaiz Munfasil (مد جائز منفصل)

Ia terjadi apabila **huruf-huruf mad** bertemu dengan **hamzah** dalam **dua kalimah** dengan keadaan yang terpisah. Kadar bacaan : **2, 4 atau lima harakat** iaitu;

Ketika wasal : **4 atau 5 harakat**.

Ketika waqaf : **2 harakat sahaja**

Contoh: وَمَا أَرْسَلْنَاكَ

### 3. Mad Silah Thowilah (مد صلة طويلة)

Ia terjadi apabila mad yang berlaku pada huruf ha dhomir yang mana terletak di antara dua huruf dan **ada hamzah selepasnya**. Mad ini hanya berlaku ketika **wasal** sahaja. Kadar bacaan bagi hukum ini adalah dengan **2, 4 atau 5 harakat**.

**Contoh:** يَحْسَبُ أَنَّ مَالَهُ أَخْلَدَهُ

### 4. Mad Badal (مد بدل)

Ia terjadi apabila berhimpunnya huruf hamzah dalam satu kalimah dan ditukarkan hamzah kedua dengan huruf mad. Maka huruf hamzah akan berada sebelum huruf mad dalam satu kalimah. Kadar bacaannya ialah **2 harakat**.

**Contoh**

➤ عَادِمَ

➤ أُوتِيَ

➤ بِإِيمَانٍ

### Mad Farie - Tanda sukun ( ْ ) Tanpa Tasydid/Waqaf

#### 1. Mad Lazim Kalimi Mukhaffaf (مد لازم كلمي مخفف)

Ia terjadi apabila huruf mad bertemu dengan huruf sakinah (mati) yang hanya terdapat untuk beberapa tempat khusus di dalam al-Quran. Kalimahnyanya khusus hanya terdapat pada (surah Yunus: 51 & 91). Kadar bacaan bagi hukum ini adalah membacanya ialah **6 harakat**.

**Contoh;**

➤ عَالَمِينَ

#### 2. Mad Lazim Harfi Mukhaffaf (مد لازم حرفي مخفف)

Ia terjadi apabila huruf mad asli bertemu dengan huruf sukun dalam satu kalimah (apabila dieja) dan tidak dituruti dengan tasydid. Huruf-huruf ini terletak pada awal surah-surah tertentu. Kadar bacaan bagi hukum ini dibaca dengan 6 harakat.

Syarat dibaca 6 harakat, huruf tersebut apabila dieja, terdiri dari tiga huruf dan huruf mad terletak di tengah<sup>2</sup>. Cth: Huruf lam (ن) terdiri dari 3 huruf iaitu nun, wau, nun (نُون). Terdapat 8 huruf (ن, ق, ص, ع, س, ل, ك, م) نَقَصَ عَسَلَكُمْ

## Mad Farie - Tanda sukun ( ْ ) Tanpa Tasydid/Waqaf

### 1. Mad Farqi (مد فرق)

Ia terjadi apabila bacaan panjang pada hamzah istifaham (pertanyaan) berbaris fathah ( َ ) yang berada di hadapan perkataan, bertemu dengan al-syamsiah (ال شمسية).

(ال شمسية) ditukarkan kepada hamzah wasal ( اَ ). Terjadi mad untuk membezakan antara istifaham dan khabar. Kadar bacaan bagi hukum ini adalah membacanya ialah **6 harakat**.

Contoh;

➤ قُلْ ءَاللهُ اَنِّ لَكُمْ / قُلْ ءالدَّكَرَيْنِ حَرَّمَ اَمِ الْاُنثَيْنِ

## Mad Farie – Tanda Sukun &Tasydid ( َ )

### 2. Mad Lazim Kalimi Muthaqqal (مد لازم كلمي مثقل)

Ia terjadi apabila huruf mad **bertemu dengan huruf sakinah ( mati)** yang diidghamkan di dalam satu kalimah. Maka huruf-huruf yang diidghamkan terdapat tanda sabdu ( ْ ). Huruf bagi mad lazim kalimi muthaqqal adalah seperti ض, ن, م, ق, ج, خ, ب. Kadar bacaan yang dibaca bagi hukum ini adalah sebanyak 6 harakat.

Contoh :

| حروف | دالم كلمة    |
|------|--------------|
| نْ   | الضَّالِّينَ |
| قْ   | الْحَاقَّةِ  |
| مْ   | الطَّامَّةِ  |

|             |     |
|-------------|-----|
| وَالْجَانِّ | نَّ |
| الدَّوَابِّ | بَ  |

### 3. Mad Lazim Harfi Muthaqqal (مد لازم حرفي مثقل)

Ia terjadi apabila huruf mad asli **bertemu dengan huruf sukun** dalam satu kalimah (apabila dieja) yang dituruti dengan **tasydid**. Huruf idgham selepasnya diletakkan tanda sabdu. Terletak huruf ini pada awal surah-surah tertentu.

Bacaan bagi hukum ini dibaca dengan 6 harakat dan diikuti dengung 2 harakat. Syarat dibaca 6 harakat, huruf tersebut apabila dieja, terdiri dari tiga huruf dan huruf mad terletak di tengah2. Cth: Huruf lam (ل) terdiri dari 3 huruf iaitu lam, alif, mim (لَامَ )

Huruf bagi mad lazim harfi muthaqqal ini hanya terdapat dua huruf iaitu lam (ل) dan siin (س).

### Mad Farie - Tanda sukun ( ' ) & Waqaf

#### 1. Mad Lin (مد لين)

Ia terjadi apabila huruf waw ( و ) atau ya' ( ي ) sakinah dan huruf sebelumnya berbaris fathah ( َ ) bertemu dengan sukun yang mendatang kerana diwaqafkan pada akhir kalimah. Hukum Mad Lin terjadi ketika waqaf sahaja. Kadar bacaannya ialah dibaca dengan 2, 4 dan lima harakat.

Contoh: رَبِّ هَذَا النَّبِيِّ / مِنْ خَوْفٍ

#### 2. Mad 'Aridh Lissukun (مد عارض للسكون)

Ia terjadi apabila mewaqafkan sesuatu bacaan (dimatikan baris yang ada padanya dan baris matinya mendatang bukan aslinya).

Kadar bacaan ini boleh dibaca dengan:

1. Kadar 2 harkat ketika membaca secara **cepat**.
2. Kadar 4 harkat ketika membaca secara **sederhana**.
3. Kadar 6 harkat ketika membaca secara **lambat**(bacaan ini adalah lebih afdal)

## Mad kembali pada Mad Asli

### 1. Mad Silah Qosirah (مد صلة قصيرة)

Ia terjadi apabila huruf ha dhomir yang **terletak di antara dua huruf berbaris** dan **tiada hamzah selepasnya**. Mad ini hanya berlaku ketika **wasal** sahaja. Kadar bacaan bagi hukum ini adalah wajib **2 harakat** sahaja.

Contoh : إِنَّهُ كَانَ تَوَّابًا

### 2. Mad 'Iwadh (مد عوض)

Ia terjadi ke atas kalimah yang berakhir berbaris dua (tanwin) di atas ( ؕ ) ketika waqaf sahaja. Cara bacaannya haruslah menggantikan bunyi tanwin fathah ( ؕ ) tersebut kepada hanya satu bunyi fathah ( ؕ ) sahaja ketika waqaf. Kadar bacaannya adalah 2 harakat.

Contoh :

وَالْعَادِيَاتِ ضَبْحًا / فَالْمُورِيَاتِ قَدْحًا / فَاتَّرْنَ بِهِ نَقْعًا

#### Perhatian:

Dalam resam, huruf hamzah yang berada di hujung kalimah dan berbaris dua (tanwin) di atas, tidak disertai alif jika sebelum hamzah huruf mad alif.

Contoh : وَنِسَاءٌ

Hukumnya tetap dikira sebagai mad Iwadh.

### 3. Mad Tamkin

Ia terjadi apabila dua huruf mad iaitu wau dan ya bertemu dengan huruf yang sama. Sebabnya:

1. Adanya huruf wau sukun yang sebelumnya dhammah dan diikuti dengan wau berharakat setelahnya. Begitu juga dengan huruf ya' sukun sebelumnya kasrah dan diikuti dengan ya' berharakat setelahnya.
2. Kebalikan dari keadaan pertama. Wau dhomah, diikuti selepasnya wau sukun. Ya' kasrah, diikuti selepasnya ya' sukun.
3. Terdapat ya' bertasydid berharakat kasrah dan diikuti selepasnya ya' sukun.

## **MARATIB MAD (mengikut kekuatan mad)**

### **1. MAD LAZIM**

- Sukun asli tetap
- Satu kalimah

### **2. MAD MUTTASIL**

- Hamzah asli
- Satu kalimah

### **3. MAD ARIDH LIS SUKUN**

- Sukun dan huruf mad satu kalimah

### **4. MAD JAIZ MUFASIL**

- Huruf mad dan hamzah dalam dua kalimah

### **5. MAD BADAL**

- Hamzah sebelum huruf mad

## **BAB LAM TAKRIF**

Lam Takrif adalah merujuk pada Lam yang bersama Alif bagi menunjukkan kalimah itu ma'rifah. Ia adalah lam mati yang merupakan tambahan dari pembinaan kata yang didahului dengan hamzah wasal. Hamzah wasal ini akan dibariskan fathah (atas) ketika dimulakan bacaan padanya dan selepas lam itu adalah kata nama.

Contoh : ﴿الشَّمْسُ وَالْقَمَرُ﴾

Lam pada alif lam takrif ini adalah tidak termasuk darinya lam yang asli seperti contoh :

﴿السِّنِّتُكُمْ وَالْوُنُكُمُ﴾

Lam takrif ini terletak sebelum huruf hijaiyah umum kecuali 3 huruf mad.

## Pembahagian Lam Takrif

Lam takrif terbahagi kepada 2 jenis iaitu;

### 1. Muzhirah (menzahirkan)

Ada 14 huruf (ابغ حجك وخف عقيمه) yang mana jika huruf-huruf ini terletak selepas Lam takrif, maka wajib diizharkan (jelas) bunyi lam. Dalam penulisan al-Quran, tidak diletakkan tanda tasydid pada huruf-huruf tersebut. Kumpulan huruf ini dinamakan sebagai Alif Lam Qamariyah اللام القمرية. Ini kerana huruf qaf pada kalimah qamariah itu mewakili empat belas huruf tersebut.

ال + طائر ← الطائر (لام شمسية) ➤

### 2. Mudghamah (memasukkan)

Ada 14 lagi huruf baki dari huruf Alif Lam Qamariyah iaitu ت، ث، د، ذ، ر، ز، س، ش، ص، yang mana jika huruf-huruf ini terletak selepas Lam takrif, maka wajib diidghamkan (masuk) lam kepadanya. Dalam penulisan al-Quran, tidak diletakkan tanda tasydid pada huruf-huruf tersebut. Kumpulan huruf ini dinamakan sebagai Alif Lam Syamsiah اللام الشمسية. Ini kerana huruf syin pada kalimah qamariah itu mewakili huruf-huruf idgham yang lain.

ال + كوكب ← الكوكب (لام قمرية) ➤

## LAFZ AL-JALALAH (KALIMAH اَللّٰهُ)

Lafz al-Jalalah adalah merujuk kepada kalimah اَللّٰهُ. Hukum bacaan huruf lam pada kalimah اَللّٰهُ ini terbahagi kepada dua;

### 1. Tafkhim (Tebal) – Dibaca tebal jika kalimah اَللّٰهُ terletak selepas huruf yang berbaris atas atau depan.

Contoh: ﴿مُحَمَّدٌ رَّسُولُ اللَّهِ﴾ ﴿قَالَ عِيسَى ابْنُ مَرْيَمَ اللَّهُمَّ رَبَّنَا﴾ ﴿شَهِدَ اللَّهُ﴾

### 2. Tarqiq (Nipis) – Dibaca nipis jika kalimah اَللّٰهُ terletak selepas huruf yang berbaris bawah. Hukum ini terjadi sama ada kalimah اَللّٰهُ itu bersambung atau terpisah dengan huruf sebelumnya. Juga terjadi pada keadaan huruf sebelumnya itu adalah mendatang,

Contoh:

Contoh kalimat bersambung ﴿بِاللَّهِ﴾

Contoh kalimat terpisah ﴿يُنْتَلُونَ ءَايَاتِ اللَّهِ﴾

Contoh kalimat mendatang ﴿قُلْ هُوَ اللَّهُ أَحَدٌ ۝ اللَّهُ الصَّمَدُ ۝﴾

- \* Jika memulakan bacaan dengan Lafz al-Jalalah, wajib lam itu dibaca dengan tafkhim (tebal).

Contoh: ﴿اللَّهُ لَا إِلَهَ إِلَّا هُوَ الْحَيُّ الْقَيُّومُ ۝﴾

## HUKUM BACAAN RA'

Hukum Ra' terbahagi kepada **tiga (3)** bahagian :

- a) Tebal (التفخيم)
- b) Nipis (الترقيق)
- c) Tebal atau nipis

Ra' dibaca tebal (التفخيم) pada tempat-tempat berikut :

1. Ketika ra' berbaris di atas atau hadapan. Contoh : يُنْصَرُونَ , دَرَجَاتٍ
2. Ketika ra' mati dan sebelumnya terdapat huruf yang berbaris di atas atau hadapan.  
Contoh : وَالْفَرْقَانِ , وَأَرْجُلُكُمْ
3. Ketika ra' yang diwaqafkan, sebelumnya huruf mati yang bukan huruf ya' dan sebelum huruf yang mati terdapat huruf yang berbaris di atas atau di hadapan.  
Contoh : الصُّدُورِ , الدَّارِ
4. Ketika ra' mati, sebelumnya terdapat huruf yang berbaris di bawah mendatang dalam satu kalimat atau dua kalimat.  
Contoh : لِمَنْ أَرْتَضَى , أَرْجِعُوا
5. Ketika ra' mati, sebelumnya terdapat huruf yang berbaris di bawah asli dalam kalimat yang berlainan.  
Contoh : الَّذِي أَرْتَضَى

6. Ketika ra' mati, sebelumnya terdapat huruf yang berbaris di bawah dan selepasnya pula terdapat huruf *isti'la'* yang berbaris di atas dalam satu kalimah.

Contoh : قَرَطَاسٌ

Ra' dibaca nipis (الترقيق) pada tempat-tempat berikut :

1. Ketika ra' berbaris di bawah. Contoh : كَرِيمٌ , رَزَقَ
2. Ketika ra' mati sebelumnya huruf yang berbaris bawah dan selepasnya bukan huruf *isti'la'*. Contoh : فِرْعَوْنٌ
3. Ketika ra' yang diwaqafkan sebelumnya huruf mati atau pun huruf ya' dan sebelumnya juga berbaris di bawah atau berbaris atas. Contoh : الْخَيْرُ , قَدِيرٌ , الذِّكْرُ
4. Ketika ra' mati di hujung kalimah, sebelumnya huruf berbaris bawah dan selepasnya huruf *Isti'la'* berbaris di atas dalam kalimah berikutnya. Contoh : فَأَصْبِرْ صَبْرًا

Ra' dibaca tebal atau nipis pada tempat-tempat berikut :

1. Kalimah فَرَقَ (surah al-Syu'ara' : ayat 63)
2. Kalimah وَنُذِرُ (surah al-Qamar : ayat 16,18,21,30,37 dan 39) ketika bacaan waqaf.
3. Kalimah بِمِصْرَ (surah Yunus : ayat 87, Yusuf : ayat 99 dan al-Zukhruf : ayat 51) ketika bacaan waqaf.
4. Kalimah الْقَطْرِ (surah Saba' : ayat 12) Ketika bacaan waqaf.